

Tulang remaja perempuan berusia hingga 8,000 tahun dikebumi di Gua Chawan

Rangka manusia Mesolitik ditemui

Oleh RUZAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR - Rangka manusia zaman Mesolitik atau zaman batu pertengahan dianggapkan berusia 6,000 sehingga 8,000 tahun dijumpai di tapak Gua Chawan, Lembah Nenggiri, Kelantan pada 2 November lalu.

Rangka manusia dipercayai seorang remaja perempuan dengan ketinggian kira-kira 150 sentimeter itu ditemui dalam keadaan badannya sedikit berlipat.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamad-din Ketapi berkata, rangka itu dijumpai penyelidik dari-Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama pegawai Bahagian Arkeologi, Jabatan Warisan Negara (JWN) dan penyelidik Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris ketika mereka menjalankan ekskavasi arkeologi di gua berkenaan.

Menurutnya, penemuan itu amat penting bagi arkeologi negara dalam memberi fakta baharu tentang amalan pengebumian dan budaya kehidupan zaman prasejarah di Malaysia.

"Kami percaya rangka tersebut merupakan seorang remaja perempuan berdasarkan tulang pelvisnya," katanya pada sidang akhbar di JWN di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Kelantan, Datuk Md. Anizam Ab Rahman; Ketua Pengarah JWN, Datuk Dr. Zainah Ibrahim; Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Prof. Dr. Supyan Hussin serta Ketua Jurutera Projek Nenggiri, Mohd. Zamri Ibrahim.

Mohamaddin menjelaskan, rangka remaja tersebut dikebumikan dengan bahagian kaki



MOHAMADDIN (empat dari kanan) melihat rangka manusia zaman Mesolitik yang ditemui di Gua Chawan selepas sidang akhbar di JWN, Kuala Lumpur semalam.



PEMBANTU Muzium Kanan Bahagian Arkeologi JWN, Khairil Amri Abdul Ghani menyusun tulang rangka manusia dipercayai seorang remaja perempuan yang dijumpai di Gua Chawan, Lembah Nenggiri, Kelantan.



GUA Chawan merupakan lokasi penemuan satu rangka manusia pada 2 November lalu.

dilapik dengan batu kapur serta bahagian kepala juga dilapikkan dengan batu kapur.

Selain itu, katanya, tangan kanannya didapati memegang makanan berupa siput serta alat memotong rumput.

"Terdapat juga batu pengisar menumbuk yang diletakkan pada bahagian kaki sebagai alat iringan si mati," ujarnya.

Mohamaddin memberitahu,

rangka manusia tersebut telah dibawa keluar dari Gua Chawan pada 10 November lalu dan kini ditempatkan di makmal sementara konservasi JWN bagi kerja-kerja merekod dan pemuliharaan. Katanya, kerja-kerja yang dijalankan itu mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya 60 hari.

"Ini termasuk merekod, mengambil sampel, pembersihan, pencantuman, pengawal kelem-

bapan, suhu serta menyimpan data dengan selamat," katanya.

Katanya lagi, sampel gigi dan cengkerang siput pula akan dihantar ke Beta Lab di Amerika Syarikat untuk memperoleh tarikh kronometrik.

"Penemuan ini amat bermakna bagi merungkai budaya masyarakat primitif dan kehadiran manusia prasejarah di sekitar Lembah Nenggiri, Ulu Kelantan.

INFO

Zaman Mesolitik

- Zaman perkembangan teknologi manusia antara Paleolitik dan Neolitik kira-kira 10,000 tahun dahulu
- Di Asia Tenggara, Mesolitik juga dikenali sebagai zaman Haobinshian
- Kediaman manusia Mesolitik masih di gua, bawah ranting kayu dan lubang bawah tanah
- Menjalankan kegiatan memburu, menangkap ikan dan memungut hasil hutan untuk bekalan makanan
- Peralatan digunakan diperbuat daripada kayu, batu dan tulang

INFO

Penemuan rangka manusia di Malaysia

- Penemuan rangka dipercayai manusia purba berusia 5,000 hingga 6,000 tahun dari zaman Neolitik ditemui di Guar Kepah, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada April 2017
- Satu rangka manusia berusia 16,000 tahun dipercayai dari zaman Mesolitik ditemui di Gua Bawah, Tasik Kenyir, Terengganu pada November 2009
- Rangka manusia Perak Man berusia antara 10,000 hingga 11,000 tahun dijumpai di dalam Gua Gunung Runtuh terletak di Bukit Kepala Gajah, Lembah Lenggong, Hulu Perak pada tahun 1991

"JWN dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan juga akan mengumpulkan semua penemuan artifak untuk dijadikan bahan rujukan sejarah dan warisan negara serta dipamerkan kepada umum setelah proses konservasi selesai," ujarnya.

